



02 NOV, 2021

## Malaysia bakal jadi hab vaksin - PM



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Negara mampu mengeluarkan produk sendiri yang berkualiti dan berkesan

# Malaysia bakal jadi hab vaksin – PM

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**KAJANG** – Malaysia akan mengeluarkan vaksin sendiri dan bakal menjadi hab pengeluar vaksin pada masa hadapan menerusi Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) yang dilancarkan semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau yakin perkara tersebut dapat direalisasikan apabila Institut Genom Malaysia (MGI) kini di-naik taraf kepada Institut Genom & Vaksin Malaysia atau Malaysia Genome & Vaccine Institute (MGVI).

Beliau berkata, naik taraf MGVI itu bersesuaian dengan skop MGI yang memberi tumpuan kepada penyelidikan genom dan biologi molekular dalam usaha penghasilan vaksin.

Jelas Ismail Sabri, penubuhan MGVI juga dapat memberi kesan positif kepada negara

daripada sudut ekonomi, sosial dan teknologi sekali gus menyumbang kepada kestabilan ekonomi kerana tiada kebergantungan kepada sumber bekalan dari luar.

"Melalui pelaksanaan PPVN dan penubuhan MGVI, Malaysia mampu mencorak lajuan dalam mengeluarkan produk vaksin sendiri yang berkualiti, berkesan dan selamat mengikut syarat yang ditetapkan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

"Ia juga sekali gus menjadi hab pengeluar vaksin dan meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan vaksin," katanya di ketika berucap pada Majlis Pelancaran PPVN dan MGVI di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Adham Baba dan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri



ISMAIL SABRI ketika hadir Majlis Pelancaran Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara dan Institut Genom dan Vaksin Malaysia di Institut Genom Malaysia, Kajang semalam.

berkata, melalui pelaksanaan PPVN dan penubuhan MGVI itu juga

ran tinggi dalam pelbagai bidang penyelidikan terutamanya yang berkaitan dengan kesihatan dan

vaksin akan dapat dilahirkan.

"Selain itu, lebih banyak peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan untuk Keluarga Malaysia sekaligus membantu meningkatkan jumlah tenaga pekerja mahir dan meningkatkan taraf hidup serta kesihatan rakyat.

"Walaupun pembangunan penyelidikan dan penghasilan vaksin ini merupakan suatu pelaburan yang tinggi, tetapi ia berpotensi memberikan pulangan jangka panjang melalui penjimatkan kos merawat penyakit, selain membawa pelaburan syarikat multinasional ke Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri menjelaskan, PPVN tidak akan tertumpu kepada vaksin Covid-19 semata-mata, tetapi ia diperluaskan juga kepada vaksin bagi penyakit lain antaranya pembangunan vaksin untuk kanser kepala dan leher (*head and neck*) oleh Pusat Penyelidikan Kanser.



02 NOV, 2021

## Malaysia bakal jadi hab vaksin - PM

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Negara mampu mengeluarkan produk sendiri yang berkualiti dan berkesan

KA JANG - Malaysia akan mengeluarkaji vaksin sendiri dan bakal menjadi hab pengeluar vaksin pada masa hadapan menerusi Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) yang dilancarkan semalam. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, beliau yakin perkara tersebut dapat direalisasikan apabila Institut Genom Malaysia (MGI) kini dinaik taraf kepada Institut Genom & Vaksin Malaysia atau Malaysia Genome & Vaccine Institute (MGVI).